

0835

U B 3 2 4 DEB  
MAHATHIR - GURU

KUALA LUMPUR, 19 DIS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA PARA GURU BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MEMAINKAN PERANAN YANG CERGAS DANGIGIH DALAM MEMBANGUNKAN MASYARAKAT DAN NEGARA.

BELIAU BERKATA PERANAN GURU DALAM MASYARAKAT YANG MEMBANGUN DAN MENGALAMI PERUBAHAN YANG PESAT ADALAH LEBIHLUAS, BERAT DAN MENCABAR.

GURU OALAM ZAMAN KEMAJAUN INI PERLU MENGIKUTI ARUS PERKEMBANGAN DALAM MASYARAKAT, KATANYA KETIKA MERASMIKAN PERAYAAN JUBLI PERAK KESATUAN KEBANGSAAN GURU LEPASAN MAKTAB SEMENANJUNG MALAYSIA (KKGLM/SM) DI SINI.

KATANYA, SEBAGAI PENDIDIK DALAM MASYARAKAT MODEN, PARA GURU PERLU MELENGKAPKAN DIRI OENGAN PELBAGAI ILMU PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN SECUKUPNYA SUPAYA OAPAT MELAKSANAKAN TUGAS DAN TANGG'JNGJAWAB DENGAN SEMPURNA DAN BERKSESAN.

SAMA ADA DISUKAI ATAU TIDAK GURU MENJAOI CONTOH KEPAOA MURID DAN OLEHITU JELAS BAHAWA PERSONALITI GURU MEMPENGARUHE PARA PELAJAR YANG BAKAL MENJADI ANGGOTA MASYARAKAT, KATANYA. -- LAGI.  
1305MST 19 12 a7

0839

U B327 DEB  
MAHATHIR - GURU '2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA PARA PELAJAR BUKAN SAHAJA MEMBERI TUMPUAN KEPADA PELAJARAN SECARA FORMAL YANG DISAMPAIKAN OI DALAM BILIK DARJAH TETAPI JUGA MEMERHATIKAN GERAK-GERI DAN TINGKAH-LAKU GURU DI OALAM DAN OI LUAR BILIK OARJAH.

DATUK SERIOR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA JIKA BAIK PENDIDIKANNYA, MAKA BAIKLAH MASYARAKAT DAN NEGARA.

MASYARAKAT YANG BAHAGIA DAN BERJAYA AAKAN WUJUD HANYA JIKA ANGGOTANYA SANGGUP BERKORAN DAN BERTANGGUNGJAWAB, TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA PARA GURU YANG TERUS MEMBERI SUMBANGAN KEPADA KESEJAHTERANAN NEGARA SELEPAS MERDEKA HARI INI MASIH MERUPAKAN PEMIMPIN YANG BERPENGARUH TERUTAMA DI KALANGAN PENDUDUK LUAR BANDAR.

KATANYA, OLEH ITU OI SAMPING MENJALANKAN TUGAS MENDIDIK, GURU JUGA DIHARAP AKAN TERUS MEMBERI KHIDMAT KEPIMPINAN KEPADA MASYARAKAT. -- LAGI.  
1327MST 19 12 a7

DB44

U 8330 DEB  
MAHATHIR - GURU 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA PENDIDIKAN JUGA MERUPAKAN ALAT UTAMA KE ARAH PENCAPAIAN PERPADUAN KEBANGSAAN DAN DALAM ME-NANAMKAN SEMANGAT CINTA KANTANAH AIR. SISTEM PELAJARAN HARI INI JUGA MERUPAKAN TAPAK SEMAIN YANG KUAT DALAM MEMBENTUK SIKAP YANG SEHAT DAN POSITIF DI KALANGAN PELAJAR.

KATANYA PERSEKOLAHAN BERSAMA BAGI PELAJAR PELBAGAI KAUM YANG DIBERI PENERANGAN TENTANG ADAT-RESAM DAN PANTANG-LARANG SESUATU KAUM BOLEH MENOLONG MEMBANGUNKAN SATU MASYARAKAT YANG LEBIH BERSATU-PADU DI NEGARA INI.

PARA GURU PERLU MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MENYEDIAKAN MURID-MURID UNTUK MENGHADAPI KENYATAAN HIDUP DALAM MASYARAKAT BERBILANG KAUM, TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA TEROAPAT RAMAI BEKAS PELAJAR DARI SEKOLAH YANG TERHAD KEPADA HANYA SATU KAUM YANG TIDAK DAPAT MENYESUAI AKN DIRI DENGAN MASYARAKAT MAJMUK DI SEKELILING MEREKA.

MEREKA SELALU BERASA TERPISAH DAN TERANIAYA DALAM USAHA MENCARI REZEKI APABILA DEWASA, KATANYA.

MENGENAI DADAH, PERDANA MENTERI BERKATA SEMUA PIHAK SAMA AOA SEKTOR AWAM ATAU SWASTA, TERMASUK PARA GURU, PERLU MENINGKATKAN SUMBANGAN DAN USAHA UNTUK MEMBAN TERAS PENYALAHGUNAANNYA TERMASUK DI KALANGAN PELAJAR. -- BERNAMA.

1344MST 19 12 87